

Pembentukan Kendiri Ideal dan Kendiri Sebenar Remaja

Azizi bin Hj Yahaya

Kendiri sebenar merujuk keadaan sebenar individu pada masa itu, yang merangkumi personaliti, kebolehan, kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki. Sementara konsep kendiri ideal didefinisikan sebagai pandangan individu terhadap dirinya sendiri tentang apa yang dia ingin jadi atau berhasrat untuk memiliki yang mempunyai nilai tertinggi, bersifat positif dan mulia serta tidak begitu mudah untuk dicapai. Kadangkala kendiri ideal hanya bersifat khayalan dan fantasi sahaja.

Bermula dari diri sebenar, seseorang itu berharap agar dirinya mempunyai potensinya untuk membolehkannya mencapai matlamat sebenar, impian atau cita-citanya. Oleh itu seseorang itu harus mempunyai satu model berkenaan diri yang ideal untuk diikuti atau ditiru, dan akan berusaha keras untuk mencapainya.

Setiap individu mempunyai perbezaan antara konsep kendiri sebenar dan konsep kendiri ideal. Perbezaan itu wujud disebabkan konsep kendiri sebenar ada kelemahan, maka individu berkenaan akan membentuk satu konsep kendiri ideal yang sempurna untuk dicapai. Dalam kontek remaja, jika kedua-dua konsep kendiri itu mempunyai korelasi yang tinggi, remaja berkenaan akan mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi, memandang diri dengan selesa dan menerima dirinya sendiri. Sebaliknya jika wujud perbezaan yang nyata dalam kendiri sebenar dan kendiri idealnya akan timbul masalah kepada remaja berkenaan seperti penolakan kendiri yang menghasilkan perasaan kecewa, sedih, bersalah dan hilang keyakinan diri serta hala tuju dalam hidupnya.

Bagi remaja yang normal, mereka mempunyai impian dan harapan tetapi ia bersifat realistik dan boleh diubah. Kejayaan dan kegagalan yang dialami dalam mencapai kendiri ideal akan mempengaruhi perubahan mereka terhadap aspirasi mereka. Sebaliknya bagi remaja yang neurotik lebih banyak mengalami kegagalan kerana konsep kendiri ideal mereka tidak sepadan dengan konsep kendiri sebenar mereka.

Oleh itu , peranan orang-orang yang signifikan seperti guru dan ibu bapa serta rakan sebaya ialah untuk membekalkan individu remaja dengan informasi yang sah dan sahih untuk memudahkan remaja membentuk persepsi yang betul, tepat, memadai dan nilai sebenar untuk

kendirinya (Azizi et. Al., 2005) Oleh itu individu remaja akan membentuk keniri ideal yang lebih realistik.

Dalam situasi sekolah, fungsi guru adalah untuk membekalkan refleksi yang betul, interpretasi dan informasi yang membolehkan pelajar mengasaskan idea, matlamat dan wawasan berkenaan kendiri berdasarkan kepada nilai yang realistik.